

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96**

April 1996

RMK 456/4 - Pengurusan Projek Binaan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan: **Soalan 1** adalah **WAJIB** dan jawab **EMPAT** soalan lain.

1. (a) 'Pengurus-pengurus projek menghadapi kesusahan dalam melaksanakan tugas kerana kedudukan mereka sama tarafnya dengan ahli profesional yang lain dalam organisasi projek.' Bincangkan.

(b) Huraikan secara ringkas kualiti-kualiti yang ada pada pengurus projek yang bagus.

(20 markah)

2. (a) 'Pada hakikatnya, apa yang selalunya dirujuk sebagai 'pasukan projek binaan' sebenarnya bukan pasukan dalam ertikata yang sebenarnya tetapi adalah gabungan.' Bincangkan.

(b) Senaraikan ciri-ciri yang ada pada pasukan yang efektif. Nyatakan ciri yang manakah yang seringkali tidak wujud pada 'pasukan projek binaan.'

(20 markah)

3. (a) Jelaskan jenis-jenis konflik yang seorang pengurus projek berkemungkinan hadapi sepanjang kariernya.

(b) Bincangkan sumber-sumber konflik yang mungkin boleh timbul pada fasa-fasa tertentu sepanjang kitaran projek.

(20 markah)

....2/-

(RMK 456)

4. Projek, sebagaimana aktiviti-aktiviti ekonomi berkollektif yang lain, memerlukan manusia untuk bekerja bersama-sama secara tersusun.
- (a) Nyatakan kelebihan dan kekurangan struktur organisasi tradisional untuk mengendalikan projek.
 - (b) Huraikan rupa struktur matriks.
- (20 markah)
5. (a) Nyatakan faktor-faktor yang boleh membawa kepada kegagalan projek.
- (b) Huraikan dengan ringkas faktor-faktor yang boleh membawa kepada kejayaan projek.
- (20 markah)
6. (a) 'Dinamisma dalaman organisasi klien boleh membangkitkan keperluan yang bercanggah dan berlawanan kepada projek yang sedang dicadangkan atau dilaksanakan.' Bincangkan.
- (b) Nyatakan bidang-bidang penting yang klien sepatutnya mengekalkan kawalan semasa perjalanan projek.
- (20 markah)
7. Berikan nota ringkas tentang istilah-istilah berikut:
- (a) Tekanan psikologi
 - (b) Binaan andaian (hypothetical construct)
 - (c) Jurang kuasa
 - (d) Pengurusan Program
 - (e) 'Trivia'

(20 markah)

-ooo00ooo-